

69

SOALAN NO: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD

TARIKH: 8 NOVEMBER 2017

SOALAN:

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap syarikat pengawal keselamatan yang tidak membayar mengikut gaji minimum kepada pekerja-pekerjanya dalam keadaan pekerja-pekerja tersebut takut hendak mengadu kepada pihak Kementerian kerana takut dibuang kerja.

PR-1353-L03792

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Perintah Gaji Minimum (PGM) 2016 menetapkan gaji minimum RM1,000.00 sebulan di Semenanjung dan RM 920.00 bagi Sabah dan Sarawak yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2016 bagi tujuan untuk memastikan rakyat Malaysia secara keseluruhannya dibayar gaji minimum bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat. PGM terpakai di semua sektor pekerjaan kecuali pekerja domestik.
2. Di antara mekanisme yang dilakukan oleh Kerajaan bagi memastikan perintah gaji minimum 2016 dilaksanakan oleh majikan ialah melalui Pemeriksaan Berkanun(PB) yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja(JTK) dan Operasi Gaji Minimum(OGM) yang dijalankan oleh Pasukan Khas Penguatkuasaan JTK ke atas premis-premis majikan. Melalui aktiviti tersebut, pemeriksaan rekod-rekod penggajian dijalankan bagi memastikan pematuhan terhadap perundangan perburuhan dan penginapan mengikut Garis Panduan Standard Minimum Penginapan Pekerja(GPSMPP) jika penginapan disediakan serta pematuhan PGM 2016 oleh majikan.
3. Menjadi tanggungjawab pekerja untuk membuat aduan supaya hak pekerja dilindungi. Pekerja-pekerja syarikat kawalan keselamatan yang tidak dibayar gaji minimum boleh membuat aduan melalui

71

pelbagai saluran. Siasatan dijalankan oleh pihak jabatan tanpa mendedahkan maklumat pengadu:

- (a) Aduan bertulis ke Pejabat Tenaga Kerja Cawangan/Jabatan Tenaga Kerja Negeri ;
- (b) Aduan bertulis secara e-mel ke alamat [jtksm@mohr.gov.my](mailto:jtksm@mohr.gov.my);
- (c) Aduan ke talian Pusat Panggilan 1 Malaysia/ *1 Malaysia One Call Centre (1MOCC)* atau e-mel kepada [80008000@1mocc.gov.my](mailto:80008000@1mocc.gov.my);
- (d) Aduan kepada Biro Pengaduan Awam (BPA);
- (e) Aduan secara hadir ke Pejabat Tenaga Kerja berdekatan; dan
- (f) Aduan melalui pihak ketiga iaitu melalui Kesatuan/Persatuan, Badan Bukan Kerajaan (NGO).

## SOALAN ( 36 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 NOVEMBER 2017  
[ RABU ]

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG  
[ GELANG PATAH ]

SOALAN :

**YB TUAN LIM KIT SIANG [ GELANG PATAH ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan ramalan kewangan untuk 5 tahun yang akan datang berikutan pelaburan yang dijanjikan oleh Perdana Menteri kepada pihak Kerajaan AS sewaktu lawatan Perdana Menteri ke White House pada bulan September.

73

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan kerja Perdana Menteri ke White House pada 12 September 2017 merupakan jemputan daripada Presiden Donald Trump sempena ulangtahun ke-60 hubungan dua hala Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia. Perbincangan semasa lawatan kerja ini telah merangkumi isu ekonomi, kemanusiaan dan juga keselamatan.

Dari sudut ekonomi, hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala antara kedua-dua negara berada dalam kedudukan yang kukuh. Sehingga 2016, jumlah pelaburan langsung asing (FDI) AS ke Malaysia mencapai RM38.5 bilion. Ini turut disokong oleh pelaburan langsung di luar negeri (DIA) Malaysia ke AS yang hampir mencecah RM5.2 billion. Dari aspek perdagangan pula, Malaysia masih mengekalkan lebihan dagangan dengan negara berkenaan. Pada 2016, AS merupakan destinasi eksport dan sumber import yang penting bagi negara, iaitu masing-masing berjumlah 10.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport dan 8.0 peratus daripada jumlah keseluruhan import.

Ahli Yang Berhormat,

Dasar kemakmuran bersama yang diamalkan dalam hubungan Malaysia dengan negara lain akan memastikan setiap negara yang terlibat akan menikmati manfaat daripada perkongsian kemakmuran tersebut. Hubungan dengan AS juga tidak terkecuali. Negara maju sepertinya mampu menyediakan banyak peluang pasaran dan pelaburan kepada Malaysia.

Keputusan Kerajaan untuk menambah pelaburan ke AS telah didorong oleh potensi perolehan pelaburan yang lebih baik termasuk mempelbagaikan risiko pelaburan negara. Ini seiring dengan dasar semasa AS yang merancang pembangunan infrastruktur besar-besaran terutamanya bagi pembangunan semula bandar yang musnah dan terjejas teruk akibat bencana alam seperti ribut taufan dan banjir. Situasi ini dijangka memberikan impak positif kepada Malaysia, lebih-lebih lagi apabila Malaysia berada dalam kedudukan lebihan dagangan dengan AS. Keuntungan yang dijana melalui pelaburan ini turut akan menambah rizab asing negara dan seterusnya boleh membantu mengukuhkan nilai ringgit.

75

Hasil daripada lawatan kerja ini, Malaysia Airlines System (MAS) telah menandatangani perjanjian persefahaman bersama Boeing Aircraft Corporation bagi membekalkan 8 buah pesawat Boeing 787-9 dan membuka pusat fasiliti *maintenance, repair and overhaul* (MRO) yang dianggarkan bernilai hampir USD\$4 bilion. Pembelian kapal terbang dan pembukaan fasiliti berkenaan sudah tentu akan menambah potensi pertumbuhan ekonomi negara di masa akan datang.

Sebagai sebuah ekonomi terbesar di dunia, hubungan baik bersama AS akan memberi kesan limpahan langsung terhadap ekonomi negara. Selain daripada pelaburan di AS, keyakinan yang ditunjukkan oleh AS terhadap Malaysia akan menarik perhatian negara lain terhadap kemampuan dan keupayaan yang dimiliki oleh Malaysia. Secara tidak langsung, ini akan meningkatkan daya saing negara dari segi penarikan FDI serta kebolehpasaran industri, produk dan eksport perkhidmatan Malaysia di arena antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

8 November 2017

## Soalan ( 42 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 NOVEMBER 2017  
[ RABU ]

DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN  
HAJI IBRAHIM  
[KUALA SELANGOR]

SOALAN :-

**YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah terkini permohonan bagi program MyDeposit dan berapakah jumlah dana yang telah berjaya diperuntukkan terhadap permohonan terbabit serta sejauh manakah ianya membantu meringankan beban memiliki rumah pertama.**

77

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari 7 April 2016 hingga 30 September 2017, sejumlah **6,298 permohonan** telah diterima di bawah Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit). Daripada jumlah tersebut, sebanyak **1,469 permohonan telah diluluskan** dan secara keseluruhannya, sejumlah **RM39,408,147.96 peruntukan** telah dibelanjakan untuk pembayaran di bawah Skim MyDeposit.

**A) STATISTIK PERMOHONAN MYDEPOSIT MEGIKUT NEGERI  
7 APRIL 2016 - 30 JUN 2016**

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>PERATUS (%)</b>
1	Johor	598	9.50
2	Kedah	244	3.87
3	Kelantan	41	0.65
4	Melaka	190	3.02
5	Negeri Sembilan	212	3.37
6	Pahang	210	3.33
7	Perak	349	5.54
8	Perlis	24	0.38
9	Pulau Pinang	854	13.56
10	Sabah	158	2.51

11	Sarawak	366	5.81
12	Selangor	1,989	31.58
13	Terengganu	93	1.48
14	Wilayah Persekutuan Labuan	15	0.24
15	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	864	13.72
16	Wilayah Persekutuan Putrajaya	77	1.22
17	Pelbagai	14	0.22
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>6,298</b>	<b>100.00</b>

**B) STATISTIK KELULUSAN SKIM MYDEPOSIT  
7 APRIL 2016 – 30 SEPTEMBER 2017**

BIL	TAHUN	BIL PERMOHON (Sehingga 30 Jun 2016)	BIL KELULUSAN	JUMLAH BAYARAN (RM)
1	2016	6,298	524	13,959,717.30
2	2017	-	945	25,448,430.66
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>6,298</b>	<b>1,469</b>	<b>39,408,147.96</b>

79

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat dan kelayakan permohonan MyDeposit adalah seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur 21 tahun dan ke atas;
- iii) Pembelian rumah pertama bagi satu isi rumah;
- iiii) Pendapatan kasar antara RM3,000.00 hingga RM10,000.00;
- v) Berkelayakan untuk membuat pinjaman perumahan.

4) Kriteria pembelian rumah di bawah Skim MyDeposit:-

- i) Rumah berharga RM500,000.00 dan ke bawah;
- ii) Projek perumahan yang berlesen atau perumahan pasaran sekunder (subsale).

Melalui pembiayaan di bawah skim MyDeposit ini, Kerajaan dapat membantu meringankan beban kewangan dari segi bayaran bantuan pembiayaan deposit rumah pertama sebanyak 10% daripada harga rumah atau maksimum RM30,000 atau yang mana terendah kepada pemohon yang berkelayakan yang ingin memiliki rumah pertama mereka.